

UNTUK SIARAN SEGERA



PEJABAT MENTERI PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**KALENDAR AKADEMIK TAHUN 2026 KEMBALI
KE BULAN JANUARI, SERLAHKAN TEKAD KPM
MEMASTIKAN KESEJAHTERAAN WARGA PENDIDIKAN**

Kementerian Pendidikan (KPM) ingin memaklumkan bahawa Kalendar Akademik Tahun 2026 bagi Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan akan bermula pada 11 Januari 2026 hingga 31 Disember 2026 bagi negeri Kumpulan A dan 12 Januari 2026 hingga 31 Disember 2026 bagi negeri Kumpulan B.

Kalendar Akademik Tahun 2026 boleh dimuat turun daripada portal KPM melalui pautan <https://www.moe.gov.my/surat-siaran-kpm-bil-3-tahun-2025-kalendar-akademi>.

Kejayaan mengembalikan semula sesi persekolahan kepada bulan Januari dilakukan secara berperingkat dan tertib serta tanpa mengganggu pengoperasian institusi pendidikan. Ia adalah hasil perancangan rapi dan komitmen tidak berbelah bahagi warga pendidikan di semua peringkat.

Usaha ini menyerlahkan tekad KPM untuk memberi keutamaan kepada aspek kesejahteraan murid, guru dan seluruh warga sekolah.

TAMAT

**FADHLINA SIDEK
MENTERI PENDIDIKAN
28 OKTOBER 2025**